

14 MAR 1999

Sanusi-Internet

SAYA TIDAK LETAK JAWATAN, INTERNET PENYEBAR FITNAH, KATA SANUSI

SINTOK, 14 Mac (Bernama) -- Menteri Besar Kedah Tan Sri Sanusi Junid hari ini menafikan beliau telah mengemukakan surat meletak jawatan dan berkata penyebaran fitnah itu melalui Internet dilakukan oleh pihak yang tidak suka kepada beliau.

"Saya tidak meletak jawatan. Ada orang mungkin mahu saya berhenti supaya mereka dapat mengambil alih tempat itu," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan pingat emas dan biasiswa kepada tujuh penuntut Universiti Utara Malaysia (UUM) di sini, hari ini.

Pingat dan biasiswa itu adalah sumbangan Kelab Alumni Sekolah Perniagaan Harvard Malaysia.

Beliau berkata, penyebaran cerita-cerita karut itu hanya membuktikan bahawa Internet adalah tempat penyebar fitnah.

"Dahulu pernah timbul cerita-cerita melalui internet mengenai orang lain dan saya membuat tanggapan itu hanya fitnah. Sekarang timbul pula cerita mengenai saya, semakin bertambah yakin bahawa Internet itu penyebar fitnah.

"Sesiapa yang melakukan kerja-kerja itu hanya menunjukkan mereka adalah pembohong besar," katanya.

Isu itu hangat sejak beberapa minggu kebelakangan ini dan pelantikan bekas menteri besar Tan Sri Osman Aroff sebagai wakil peribadi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di kawasan Parlimen Kubang Pasu, mulai 24 Feb lepas menguatkan lagi dakwaan itu.

Pelantikan Osman telah menimbulkan spekulasi bahawa Osman akan dilantik memegang kembali jawatan Menteri Besar.

-- BERNAMA

MZM/jm WAT